



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	22/9/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JPNP			

# Lanjutan penutupan 26 taman ekorimba

**Kuantan:** Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) melanjutkan penutupan sementara 26 taman ekorimba (TER) dan hutan taman negeri (HTN) di negeri ini, sekali gus aktiviti riadah tidak dibenarkan.

Penolong Pengarah Kanan (Hutan Lipur) JPNP, Regina Mariah Jong berkata, keputusan melanjutkan penutupan sementara semua pusat rekreasi itu diputuskan demi keselamatan orang ramai.

Menurutnya, pihaknya belum mendapat kebenaran Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk membuka 26 TER itu termasuk kawasan pendakian dan perkelahannya.

Katanya, berikutan itu Pejabat Hutan Daerah (PHD) tidak akan mengeluarkan permit untuk memasuki hutan simpan kekal bagi tujuan aktiviti riadah.

"JPNP memohon maaf terhadap keputusan melanjutkan penutupan sementara semua 26 TER, HTN, kawasan pendakian



HM, 22 Sept  
2021\_8

*Keputusan itu dibuat demi kebaikan bersama kerana kita tidak mahu keseronokan di pusat perkelahan di bawah seliaan JPNP berakhir dengan kejadian tidak diingini"*

**Regina**

dan perkelahan dalam hutan simpan kekal bertujuan membendung penularan wabak Covid-19 di negara ini.

"Keputusan itu dibuat demi kebaikan bersama kerana kita tidak mahu keseronokan di pusat perkelahan di bawah seliaan JPNP berakhir dengan kejadian tidak diingini.

"Kita akan umumkan pembukaan semula semua pusat pelancongan di bawah seliaan JPNP pada tarikh akan ditetapkan," katanya.